

Perangai bankrup perlu dibuang Berpoya2 rugikan rakyat dan negara

IPOH, Jumaat.— Sikap joli atau berpoya-poya perlu dikikis agar seseorang itu tidak hanyut dengan arus yang merugikan, ketika kerajaan begitu berusaha membangunkan negara ini.

Perangai itu, menurut pendapat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Encik Sanusi Junid sudah bankrup dan perlu dibuang jika rakyat ingin berjaya dalam sesuatu bidang perniagaan, umpamanya.

Ketika ditemui selepas menghadiri seminar pembangunan negeri di sebuah hotel di sini hari ini, beliau menekankan tentang perlunya kesedaran untuk mengeratkan kerjasama di antara ahli-ahli politik dan para pegawai kerajaan.

Menjawab satu pertanyaan sama ada penglibatan setengah-setengah pegawai kerajaan dalam politik boleh mengganggu tugas mereka, Encik Sanusi antara lain berkata, jika tak kena gaya mereka akan kecewa.

Hendak menjadi seorang ahli politik mereka mestilah diterima oleh semua peringkat," katanya.

Sambil meminta agar sikap cemburu oleh mana-mana pihak terhadap seseorang ahli politik diketepikan, beliau menekankan betapa pentingnya semangat kesedaran untuk memajukan negara ini bersemadi di sanubari setiap orang.

Pesat membangun

Kesedaran tenaga politik dan pegawai kerajaan adalah mustahak kerana ia memainkan peranan penting di negara yang sedang pesat membangun seperti Jepun, Korea, Jerman dan Amerika, tambahnya.

Dalam keadaan negara-negara yang sedang pesat membangun, jelasnya, sudah pasti terdapat perbezaan dari segi keutamaan di antara ahli-ahli politik dan pegawai kerajaan.

Namun begitu sikap itu mestilah di ketepikan demi mencapai matlamat bangsa dan negara yang sudah wajar ditamatkan.

Encik Sanusi mengingatkan, jika politik yang menamatkan terus bermain di kepala rakyat, ia akan hanya memberi peluang kepada parti-parti pembangkang menggunakan kesempatan itu sebagai modal politik mereka.

Kita tidak dapat membina negara diatas asas ketakutan, tetapi dengan



ENCIK SANUSI

semangat keberanian untuk menghadapi cabaran hidup," tegasnya.

Di Malaysia, terangnya, terdapat kesukaan rakyat dalam bidang-bidang tertentu dan tidak kurang pula mereka yang mempunyai perasaan takut dan bimbang hingga boleh menimbulkan sejenis politik yang menakutkan di kalangan masyarakat.

Oleh itu, katanya, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak mempunyai sikap ingin berjuang yang bukan sahaja setakat "bekerja mulai jam 8.00 pagi dan pulang jam 4.00 petang," tetapi melakukan sesuatu untuk kepentingan generasi akan datang.

Beliau memberi contoh semangat "Bushido" yang diamalkan oleh Jepun yang seperti berdisiplin, dayausaha, kegigihan, berdikari dan bergotong royong untuk membangun.

Menurut Encik Sanusi, kerana sikap yang sedemikian begitu menebal, sebuah syarikat terkemuka Jepun telah berjaya menyelamatkan perniagaannya dari ditutup.

Seminar tiga hari yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam juga di hadiri oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Haniff Omar turut memberi ceramah di seminar yang dilangsungkan secara tertutup itu.

Bagaimanapun para wartawan tempatan dilarang membuat sebarang liputan ucapannya.